

27/12/1999

Pelancong tempatan dikasari

Pemerhati Tempatan

PADA 26 November lalu, saya berpeluang melihat dan menikmati keindahan Menara Berkembar Petronas. Bagaimanapun, saya dan isteri saya agak terkilau dengan sikap seorang pengawal keselamatan di Menara Berkembar Petronas ini yang agak kasar dan tidak mempunyai tatasusila.

Pada suatu ketika, sewaktu saya dan isteri saya asyik mencari lokasi menarik untuk mengambil gambar, saya duduk sebentar di hadapan kolam pancutan air (berhadapan pintu masuk ke Suria KLCC) untuk mengikat tali kasut yang terlerai. Secara tiba-tiba, muncul seorang pegawai keselamatan yang menghalau saya dengan cara kasar dan amat memalukan.

Tidak lama selepas kejadian itu, kelihatan pengawal keselamatan yang sama melayan dua pelancong asing dengan penuh kemesraan. Mengapakah perlu wujudnya pilih kasih antara pelancong tempatan dengan pelancong asing? Tidakkah ada cara lain yang lebih lembut dan bersopan ketika menjalankan tugas?

Selepas kejadian itu, saya berasa serik. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah mengatakan bahawa bangunan Menara Berkembar Petronas dan kemudahan lain yang dibina oleh kerajaan adalah untuk rakyat Malaysia.

Tetapi, dengan sikap pegawai keselamatan itu, kata-kata Perdana Menteri, seakan akan tidak menepati tujuan dan maksudnya. Saya berharap pihak berkenaan lebih prihatin dengan gelagat sedemikian.